

JUDGMENT Express

[2026] 2 MLRA

Pendakwa Raya
Iwn. Phrueksa Taemchim & Rayuan Yang Lain

337

PENDAKWA RAYA

Iwn.

PHRUEKSA TAEMCHIM & RAYUAN YANG LAIN

Mahkamah Persekutuan, Putrajaya

Wan Ahmad Farid Wan Salleh KHN, Abu Bakar Jais PMR, Hasnah Mohammed Hashim KHM, Azizah Nawawi HBSS, Che Mohd Ruzima Ghazali HMR

[Rayuan Jenayah Nos: 05(RJ)-7-11-2024(W), 05(RJ)-9-11-2024(P) & 05(RJ)-11-12-2024(P)]

24 November 2025

Prosedur Jenayah: *Semakan — Kajian semula — Permohonan oleh Pendakwa Raya menurut k 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 untuk mengkaji semula keputusan majoriti Mahkamah Persekutuan yang telah membenarkan permohonan-permohonan responden-responden untuk menyemak hukuman mati menurut s 2 Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 walaupun pada ketika itu mereka telah pun memperoleh pengampunan diraja — Sama ada Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa untuk membuat semakan semula menurut peruntukan s 2*

Ini adalah empat permohonan yang berbeza dikemukakan oleh Pendakwa Raya menurut k 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 (“KMP”) untuk mengkaji semula keputusan majoriti Mahkamah ini bertarikh 27 Ogos 2024 (“keputusan 27 Ogos 2024”) yang telah membenarkan permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh Phrueksa Taemchim (“Phrueksa”), warganegara Thailand, Mailesi Phiri (“Mailesi”), warganegara Zambia, Jiva a/l Gopal Krishnan (“Jiva”) dan Balakrishnan a/l Purushotaman (“Balakrishnan”), yang kedua-duanya warganegara Malaysia, untuk menyemak hukuman mati menurut s 2 Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 (“Akta 847”), walaupun pada ketika itu Phrueksa, Mailesi, Jiva dan Balakrishnan telah pun memperoleh pengampunan diraja daripada Yang di-Pertuan Agong (“YDPA”)/Sultan/Yang di-Pertua Negeri (“YDPN”) negeri masing-masing.

Permohonan kajian semula oleh Pendakwa Raya terhadap Balakrishnan telah dibatalkan atas alasan notis permohonan gagal diserahkan kepada Balakrishnan kerana beliau telah dibebaskan daripada penjara selepas tempoh pemenjaraannya tamat kesan daripada keputusan 27 Ogos 2024. Dengan itu, pendengaran permohonan kajian semula hanya diteruskan terhadap tiga orang yang lain/responden-responden dan didengar secara serentak. Persoalan pokok yang dibangkitkan oleh Pendakwa Raya ialah: “adakah mana-mana orang yang telah dihukum mati yang kemudiannya telah pun mendapat pengampunan



menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan (“Perlembagaan”) berhak untuk mengemukakan satu lagi permohonan ke Mahkamah Persekutuan untuk menyemak semula hukuman mati walaupun hukuman tersebut telah diubah melalui keputusan Lembaga Pengampunan dan dalam keadaan tersebut, adakah Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa untuk membuat semakan semula menurut peruntukan s 2 Akta 847?”

Diputuskan (diperintah sedemikian):

Che Mohd Ruzima Ghazali HMR:

(1) Daripada pembacaan secara literal peruntukan s 2(1) Akta 847, Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa sementara untuk mengkaji semula tiga kategori hukuman mati. Pertama, hukuman mati yang disahkan oleh Mahkamah ini, kedua, hukuman mati yang dijatuhkan oleh Mahkamah ini dan ketiga, hukuman mati yang dikekalkan oleh Lembaga Pengampunan setelah permohonan pengampunan ditolak. Bagi hukuman pemenjaraan sepanjang hayat pula, s 4(1) Akta 847 memperuntukkan bidang kuasa sementara kepada Mahkamah ini untuk mengkaji semula semua hukuman pemenjaraan sepanjang hayat yang dijatuhkan menurut mana-mana undang-undang bertulis dan juga hukuman pemenjaraan sepanjang hayat bagi mana-mana orang yang telah ditentukan melalui keputusan Lembaga Pengampunan menurut Perkara 42 Perlembagaan. Oleh itu, tiada sebarang syak dan waham dalam mentafsirkan kategori “mana-mana orang yang telah dihukum mati” dan “mana-mana orang yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan sepanjang hayat” yang boleh memohon semakan semula menurut ss 3(1) dan 5(1) Akta 847. (perenggan-perenggan 27-28)

(2) Dalam kes ini, fakta tentang tarikh pengampunan responden-responden adalah jelas. Phrueksa telah diberikan pengampunan melalui perintah bertarikh 21 September 2017. Bagi Mailesi, pengampunannya ialah pada 13 Disember 2021 dan Jiva diampunkan pada 13 Jun 2022. Daripada tarikh-tarikh pengampunan tersebut, jelaslah bahawa pengampunan responden-responden telah diberikan sebelum berkuat kuasanya Akta 847, iaitu pada 12 September 2023. Daripada fakta tersebut, jelaslah menunjukkan bahawa pada masa responden-responden mengemukakan permohonan menurut peruntukan s 3(1) Akta 847, responden-responden tidak lagi berstatus sebagai banduan akhir yang menunggu hukuman mati kesan daripada pemberian pengampunan yang berlandaskan kuasa prerogatif YDPA/Sultan/YDPN menurut Perkara 42 Perlembagaan. Pemberian pengampunan tersebut, sudah tentunya mengubah status responden-responden dari banduan akhir yang sedang menghadapi hukuman mati kepada banduan yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan bertempoh, walaupun responden-responden tidak berpuas hati dengan tarikh permulaan hukuman menurut keputusan Lembaga Pengampunan. Ketidakpuasan hati responden-responden tidak merubah atau tidak membatalkan keputusan Lembaga Pengampunan. Perubahan kepada status responden-responden memberikan kesan yang signifikan. Mereka bukan lagi tergolong dalam kategori “mana-mana orang



yang telah dihukum mati” yang dibolehkan membuat permohonan menurut s 3(1) Akta 847. Perubahan tersebut turut memberikan kesan kepada bidang kuasa sementara Mahkamah Persekutuan untuk mengkaji semula hukuman mati. Keadaan akan berbeza sekiranya permohonan responden-responden untuk pengampunan ditolak ataupun permohonan responden-responden untuk pengampunan dibenarkan dan hukuman terhadap responden-responden diubah kepada pemenjaraan sepanjang hayat. Dalam keadaan-keadaan tersebut responden-responden akan layak memohon dan Mahkamah Persekutuan berbidang kuasa mengkaji semula hukuman mati atau hukuman pemenjaraan sepanjang hayat, selaras dengan peruntukan di bawah ss 2 dan 4 Akta 847. (perenggan-perenggan 30-32)

(3) Berasaskan kepada keputusan kes-kes autoriti yang mantap, jelaslah bahawa keputusan Lembaga Pengampunan menurut Perkara 42 Perlembagaan adalah bersifat tidak boleh diadili, tidak boleh dipengaruhi dan tidak tertakluk kepada sebarang cabaran atau kajian semula kehakiman. Oleh itu, tindakan responden-responden mengemukakan permohonan menurut s 3(1) Akta 847 ialah serupa dengan mencabar keputusan Lembaga Pengampunan yang tidak dibenarkan sama sekali menurut undang-undang. Begitu juga dengan isu bidang kuasa, Mahkamah Persekutuan tidak ada bidang kuasa untuk mengubah keputusan Lembaga Pengampunan. (perenggan 35)

(4) Oleh yang demikian, ketiga-tiga permohonan yang dikemukakan oleh Pendakwa Raya menurut k 137 KMP untuk mengkaji semula keputusan 27 Ogos 2024 adalah bermerit. Dengan itu, Mahkamah Persekutuan mengetepikan keputusan 27 Ogos 2024 dengan membatalkan semua perintah yang dibuat susulan keputusan 27 Ogos 2024. (perenggan 39)

Wan Ahmad Farid Wan Salleh KHN:

(5) The door was not closed for the Respondents even after the decision of this Court. In short, it was not the end of the road for the Respondents. The Respondents were at liberty to file fresh petitions pursuant to regs 54 and 113 of the Prison Regulations 2000, seeking leave from the respective Pardons Boards to reconsider the date of commencement of the imprisonment in line with the decision of the Pulau Pinang Pardons Board dated 27 January 2025 in respect of the appellant in the case of *Ang Kok San v. PP* (*‘Ang Kok San’*). The power to reconsider their own orders was exclusively the prerogative of the Pardons Board. In exercise of this power, the Pardons Board, as in *Ang Kok San*, could revisit the commencement date of the imprisonment imposed and such a decision was not justiciable. From this perspective, the respondents could not be said to be prejudiced as there were other avenues available to them, which they could still explore. (perenggan-perenggan 42, 45 & 46)

Kes-kes yang dirujuk:

Ang Kok San v. PP [2013] MLRAU 101 (dirujuk)

AJS v. JMH & Another Appeal [2022] 1 MLRA 214 (dirujuk)



All Malayan Estates Staff Union v. Rajasegaran & Ors [2006] 2 MLRA 61; [2006] 1 MELR 44 (dirujuk)

Black-Clawson International Ltd Appellants And Papierwerke Waldhof-Aschaffenburg A.G. [1975] AC 591 (dirujuk)

Chiew Thiam Guan & Ors v. Superintendent Of Pudu Prison & Anor [1983] 1 MLRA 244 (dirujuk)

Chor Phaik Har v. Farlim Properties Sdn Bhd [1994] 1 MLRA 356 (dirujuk)

Duport Steels Ltd And Others Respondents And Sirs And Others Appellants [1980] 1 WLR 142 (dirujuk)

Fothergill v. Monarch Airlines [1980] 3 WLR 209 (dirujuk)

Grundt v. Great Boulder Proprietary Gold Mines [1948] Ch 145 (dirujuk)

Juraimi Husin v. Pardons Board State of Pahang & Ors [2002] 2 MLRA 121 (dirujuk)

Krishnadas Achutan Nair & Ors v. Maniyam Samykano [1996] 2 MLRA 194 (dirujuk)

Magor and St Mellons Rural District Council v. Newport Corporation [1951] All ER 839 (dirujuk)

Muharam Anson v. PP [1980] 1 MLRA 120 (dirujuk)

PP v. Soon Seng Sia Heng & 9 Other Cases [1979] 1 MLRA 384 (dirujuk)

Reg v. Barnet LBC; exp Shah [1983] 2 WLR 16 (dirujuk)

Sim Kie Chon v. Superintendent of Pudu Prison & Ors [1985] 1 MLRA 167 (dirujuk)

Thein Hong Teck & Ors v. Mohd Afrizan Husain & Another Appeal [2012] 1 MLRA 712 (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Justice Act 1953, s 3

Criminal Procedure Code, s 282(d)

Dangerous Drugs Act 1952, s 39B(1)(a)

Federal Constitution, art 42(5), (9)

Prisons Regulations 2000, regs 54, 113

Revision of Sentence of Death and Imprisonment for Natural Life (Temporary Jurisdiction of the Federal Court) Act 2023, ss 2(1), 3(1), 4(1), 5(1)

Rules of the Federal Court 1995, r 137

Kaunsel:

Rayuan Jenayah No: 05(RJ)-7-11-2024(W)

*Bagi pihak perayu: Saiful Edris Zainuddin (Tetralina Ahmed Fauzi, Solehah Noratikah Ismail & Mohamad Arif Aizuddin Masrom bersama beliau);
Jabatan Peguam Negara*

Bagi pihak responden: Simon Murali; Tetuan Simon Murali & Co



Rayuan Jenayah No: 05(RJ)-9-11-2024(P)

*Bagi pihak perayu: Saiful Edris Zainuddin (Tetralina Ahmed Fauzi, Solehah Noratikah Ismail & Mohamad Arif Aizuddin Masrom bersama beliau);
Jabatan Peguam Negara*

Bagi pihak responden: Abdul Rashid Ismail (Khaizan Sharizad Ab Razak, Siti Nurani Zahidi & Jacqueline Hannah Albert bersama beliau); Tetuan Rashid Zulkifli

Rayuan Jenayah No: 05(RJ)-11-12-2024(P)

*Bagi pihak perayu: Saiful Edris Zainuddin (Tetralina Ahmed Fauzi, Solehah Noratikah Ismail & Mohamad Arif Aizuddin Masrom bersama beliau);
Jabatan Peguam Negara*

Bagi pihak responden: N Sivananthan (Wan Muhamad Yusuf Wan Hussin bersama beliau); Tetuan Sivananthan

[Bagi penghakiman Mahkamah Rayuan, sila rujuk *Phrueksa Taemchim (Thailand) v. PP* [2013] 6 MLRA 484]

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali HMR:

Pendahuluan

[1] Terdapat empat permohonan yang berbeza dikemukakan oleh Pendakwa Raya menurut k 137, Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 untuk mengkaji semula keputusan majoriti Mahkamah ini bertarikh 27 Ogos 2024 (keputusan 27 Ogos 2024) yang telah membenarkan permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh Phrueksa Taemchim (Phrueksa) warganegara Thailand, Mailesi Phiri (Mailesi) warganegara Zambia, Jiva a/l Gopal Krishnan (Jiva) dan Balakrishnan a/l Purushotaman (Balakrishnan) kedua-duanya warganegara Malaysia, untuk menyemak hukuman mati menurut s 2 Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 (Akta 847) walaupun pada ketika itu Phrueksa, Mailesi, Jiva dan Balakrishnan telah pun memperoleh pengampunan diraja daripada Yang di-Pertuan Agong (YDPA)/Sultan/Yang Di-pertua Negeri (YDPN) negeri masing-masing.

[2] Berdasarkan perkembangan semasa berkaitan dengan permohonan kajian semula oleh Pendakwa Raya terhadap Balakrishnan, Mahkamah ini telah membatalkan permohonan tersebut pada 4 September 2025 atas alasan bahawa notis permohonan gagal diserahkan kepada Balakrishnan kerana dia telah dibebaskan daripada penjara selepas tempoh pemenjaraannya tamat kesan daripada keputusan 27 Ogos 2024. Dengan itu, pendengaran permohonan kajian semula hanya diteruskan terhadap tiga orang yang lain dan didengar secara serentak.



[3] Untuk memudahkan sebutan, pihak-pihak akan dirujuk berdasarkan nama masing-masing iaitu Pendakwa Raya, Phrueksa, Mailesi, Jiva dan Balakrishnan. Secara jamak, Phrueksa, Mailesi dan Jiva akan dirujuk sebagai responden-responden.

Latar Belakang Ringkas Permohonan

[4] Responden-responden dan Balakrishnan telah disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya menurut perenggan 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952) dan telah dijatuhkan hukuman mati mandatori. Hukuman tersebut kemudiannya disahkan oleh Mahkamah Persekutuan selepas melalui semua peringkat rayuan.

[5] Mereka kemudiannya telah diberikan pengampunan diraja setelah permohonan mereka kepada Lembaga Pengampunan diterima. Bagi Phrueksa, Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah membenarkan petisyen pengampunannya dan telah menggantikan hukuman mati kepada hukuman pemenjaraan selama 30 tahun bermula dari tarikh keputusan Lembaga Pengampunan iaitu pada 21 September 2017. Bagi Mailesi dan Jiva, Lembaga Pengampunan Negeri Pulau Pinang telah membenarkan petisyen pengampunan mereka dan telah menggantikan hukuman mati kepada hukuman pemenjaraan selama 30 tahun bermula dari tarikh keputusan Lembaga Pengampunan iaitu pada 13 Disember 2021 bagi Mailesi dan 13 Jun 2022 bagi Jiva. Bagi Balakrishnan pula, Lembaga Pengampunan Negeri Kedah telah membenarkan petisyen pengampunannya dan telah menggantikan hukuman mati kepada hukuman pemenjaraan selama 30 tahun bermula dari tarikh keputusan Lembaga Pengampunan iaitu pada 29 Mac 2022.

[6] Walaupun telah memperoleh pengampunan diraja, responden-responden dan Balakrishnan masih mengemukakan permohonan semakan hukuman menurut s 2 Akta 847 ke Mahkamah ini. Pada 27 Ogos 2024, melalui suatu keputusan majoriti 2 — 1 (keputusan 27 Ogos 2024), Mahkamah ini telah memutuskan bahawa:

- a) Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa untuk menyemak keempat-empat permohonan tersebut menurut Akta 847; dan
- b) Mahkamah Persekutuan memerintahkan supaya hukuman mati yang dijatuhkan terhadap responden-responden dan Balakrishnan digantikan dengan pemenjaraan selama 30 tahun bermula dari tarikh tangkap mereka. Mahkamah Persekutuan turut memerintahkan supaya Balakrishnan dikenakan hukuman 12 kali sebatan rotan.

[7] Terkilan dengan keputusan tersebut, Pendakwa Raya telah memfailkan permohonan menurut Kaedah 137, Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan



1995, untuk mengkaji semula keputusan 27 Ogos 2024 dan seterusnya membatalkan keputusan tersebut.

[8] Pada 10 September 2025, Mahkamah ini melalui keputusan majoriti 4 — 1 telah memberi kebenaran kepada Pendakwa Raya untuk mengkaji semula keputusan 27 Ogos 2024.

Permohonan Pendakwa Raya

[9] Asas permohonan kajian semula yang dikemukakan oleh Pendakwa Raya berpaksikan kepada isu bidang kuasa Mahkamah ini selaras dengan apa yang diperuntukkan di dalam Akta 847. Persoalan pokok yang dibangkitkan oleh Pendakwa Raya ialah:

“Adakah mana-mana orang yang telah dihukum mati yang kemudiannya telah pun mendapat pengampunan menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan berhak untuk mengemukakan satu lagi permohonan ke Mahkamah Persekutuan untuk menyemak semula hukuman mati walaupun hukuman tersebut telah diubah melalui keputusan Lembaga Pengampunan dan dalam keadaan tersebut, adakah Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa untuk membuat semakan semula menurut peruntukan s 2 Akta 847?”

[10] Secara tuntasnya, Pendakwa Raya berhujah bahawa responden-responden tidak lagi tergolong dalam golongan orang yang boleh mengemukakan permohonan semakan semula hukuman mati berdasarkan pembacaan secara harfiah atau literal dan juga walaupun dibaca secara pendekatan bermaksud (purposive) peruntukan s 2 Akta 847. Ditegaskan bahawa keputusan 27 Ogos 2024 ialah suatu keputusan yang dibuat di luar bidang kuasa Akta 847 dan ianya perlulah dibatalkan dan diketepikan melalui kajian semula ini.

[11] Ketiga-tiga peguam responden-responden pula berhujah bahawa daripada pembacaan secara harmoni peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan untuk mengkaji semula hukuman mati dan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat yang diperuntukkan di dalam Akta 847, sepakat menyatakan bahawa Mahkamah Persekutuan seharusnya berbidang kuasa menyemak semula hukuman mati yang dihadapi oleh responden-responden walaupun pengampunan telah diberikan menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

Dapatan Kami

[12] Berdasarkan persoalan pokok yang diutarakan oleh Pendakwa Raya dan hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh pihak-pihak, jelaslah bahawa perkara utama pertikaian ialah berkaitan dengan tafsiran peruntukan s 2 Akta 847, iaitu sama ada peruntukan tersebut sekiranya dibaca secara harmoni dengan peruntukan-peruntukan lain di dalam Akta tersebut, memberikan bidang kuasa penyemakan sementara kepada Mahkamah ini untuk mengkaji semula hukuman mati yang dihadapi responden-responden walaupun pada masa



permohonan dikemukakan, mereka telah diberikan pengampunan menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

[13] Untuk memudahkan rujukan, undang-undang berhubung dengan kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan untuk mengkaji semula hukuman mati dan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat yang diperuntukkan melalui s 2 dan s 4 Akta 847 ialah sepertimana berikut:

Bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan mengenai hukuman mati

- 2(1) Sekiranya suatu hukuman mati dikekalkan atau dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Senjata 1960 [Akta 206], Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37], Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] dan Akta Penculikan 1961 [Akta 365] sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan walaupun permohonan bagi pengampunan di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan telah ditolak, Mahkamah Persekutuan hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kuasa untuk mengkaji semula hukuman berikutan pindaan yang dibuat melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.
- (2) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Mahkamah Persekutuan tidak boleh mengkaji semula sabitan terhadap mana-mana orang yang telah dihukum mati.
- (3) Bagi maksud mengkaji semula hukuman mati, Mahkamah Persekutuan hendaklah memanggil dan memeriksa rekod prosiding, alasan penghakiman dan dokumen lain yang berkaitan, jika ada.
- (4) Setelah mengkaji semula permohonan itu, Mahkamah Persekutuan hendaklah mengekalkan atau menggantikan hukuman pemohon mengikut Kanun Keseksaan, Akta Senjata 1960, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Penculikan 1961 sebagaimana yang dipinda melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

...

Bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan mengenai hukuman pemenjaraan sepanjang hayat

- 4.(1) Walaupun jika suatu permohonan bagi pengampunan telah ditentukan mengikut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Persekutuan hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kuasa untuk mengkaji semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat mana-mana orang yang sedang menjalani hukuman itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan telah menghabiskan segala prosiding kehakiman yang lain sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.



- (2) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Mahkamah Persekutuan hanya boleh mengkaji semula tempoh hukuman pemenjaraan sepanjang hayat.
- (3) Bagi maksud menentukan tempoh hukuman pemenjaraan sepanjang hayat, Mahkamah Persekutuan hendaklah memanggil dan memeriksa rekod prosiding, alasan penghakiman dan dokumen lain yang berkaitan, jika ada.
- (4) Setelah mengkaji semula permohonan itu, Mahkamah Persekutuan hendaklah menggantikan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat dengan hukuman pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun.
- (5) Bagi maksud Akta ini, “pemenjaraan sepanjang hayat” bermaksud pemenjaraan sehingga kematian orang yang terhadapnya hukuman itu dijatuhkan.

[14] Sementara itu, prosedur permohonan bagi kajian semula hukuman mati dan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat menurut s 3 dan s 5 Akta 847 ialah sepertimana berikut:

Permohonan bagi kajian semula hukuman mati

- 3(1) Bagi maksud subseksyen 2(1), mana-mana orang yang telah dihukum mati boleh membuat suatu permohonan secara bertulis kepada Mahkamah Persekutuan dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.
- (2) Setelah menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Mahkamah Persekutuan hendaklah mengkaji semula hukuman mati itu.
- (3) Mahkamah Persekutuan boleh melanjutkan masa yang dinyatakan di bawah subseksyen (1) sekiranya Mahkamah Persekutuan menimbangkan bahawa ada sebab yang baik untuk berbuat demikian.
- (4) Apa-apa permohonan di bawah subseksyen (1) hanya boleh dibuat sekali oleh orang itu.

...

Permohonan bagi kajian semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat

- 5(1) Bagi maksud subseksyen 4(1), mana-mana orang yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan sepanjang hayat boleh membuat suatu permohonan secara bertulis kepada Mahkamah Persekutuan dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.
- (2) Setelah menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Mahkamah Persekutuan hendaklah mengkaji semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat itu.



- (3) Mahkamah Persekutuan boleh melanjutkan masa yang dinyatakan di bawah subseksyen (1) sekiranya Mahkamah Persekutuan menimbangkan bahawa ada sebab yang baik untuk berbuat demikian.
- (4) Apa-apa permohonan di bawah subseksyen (1) hanya boleh dibuat sekali oleh orang itu.

[15] Sebagai permulaan perbincangan, prinsip berkaitan dengan pentafsiran undang-undang yang digubal oleh parlimen perlulah dilihat. Terdapat limpahan kes autoriti yang membincangkan prinsip tafsiran undang-undang tersebut. Antara lainnya, di dalam kes *Grundt v. Great Boulder Proprietary Gold Mines* [1948] Ch 145 di ms 159-160, Lord Greene MR memutuskan:

... although the absurdity or the non-absurdity of one conclusion as compared with another may be of assistance, and very often is of assistance, to the court in choosing between two possible meanings of ambiguous words, it is a doctrine which has to be applied with great care, remembering that judges may be fallible in this question of an absurdity, and in any event must not be applied so as to result in twisting language into a meaning which it cannot bear; it is a doctrine which must not be relied upon and must not be used to rewrite the language in a way different from that which it was originally framed.

Di dalam kes *Magor and St Mellons Rural District Council v. Newport Corporation* [1951] All ER 839 di ms 841, Lord Simonds membuat pemerhatian sepertimana berikut:

The duty of the court is to interpret the words that the legislature has used. Those words may be ambiguous, but, even if they are, the power and duty of the court to travel outside them on a voyage of discovery are strictly limited...

Di dalam kes yang sama, Lord Morton of Henryton di ms 847 ada menyatakan:

... it is not the function of any judge to fill in what he conceives to be the gaps in an Act of Parliament. If he does so, he is usurping the function of the legislature.

Sementara itu, di dalam kes *Black-Clawson International Ltd Appellants And Papierwerke Waldhof-Aschaffenburg AG* [1975] AC 591 di ms 613-614, Lord Reid memutuskan:

In this case it appears to me to be unusually important to consider as aids to construction all other material which the law allows us to look at, and I shall first state my view on that matter. **We often say that we are looking for the intention of Parliament, but that is not quite accurate. We are seeking the meaning of the words which Parliament used. We are seeking not what Parliament meant but the true meaning of what they said.** In the comparatively few cases where the words of a statutory provision are only capable of having one meaning, that is an end of the matter and no further inquiry is permissible....



One must first read the words in the context of the Act read as a whole, but one is entitled to go beyond that. The general rule in construing any document is that one should put oneself “in the shoes” of the maker or makers and take into account relevant facts known to them when the document was made. The same must apply to Acts of Parliament subject to one qualification. An Act is addressed to all the lieges and it would seem wrong to take into account anything that was not public knowledge at the time. That may be common knowledge at the time or it may be some published information which Parliament can be presumed to have had in mind.

[Penekanan Ditambah]

Di dalam kes *Fothergill v. Monarch Airlines* [1980] 3 WLR 209 di ms 221, Lord Diplock ada menyatakan sepertimana berikut:

The constitutional function performed by courts of justice as interpreters of the written law laid down in Acts of Parliament is often described as ascertaining ‘the intention of Parliament’; but what this metaphor, though convenient, omits to take into account is that the court, when acting in its interpretative role, as well as when it is engaged in reviewing the legality of administrative action, is doing so as mediator between the state in the exercise of its legislative power and the private citizen for whom the law made by Parliament constitutes a rule binding upon him and enforceable by the executive power of the state. Elementary justice or, to use the concept often cited by the European court, the need for legal certainty demands that the rules by which the citizen is to be bound should be ascertainable by him (or more realistically, by a competent lawyer advising him) by reference to identifiable sources that are publicly accessible. **The source to which Parliament must have intended the citizen to refer is the language of the Act itself. These are the words which Parliament has itself approved as accurately expressing its intentions.** If the meaning of those words is clear and unambiguous and does not lead to a result that is manifestly absurd or unreasonable, it would be a confidence trick by Parliament and destructive of all legal certainty if the private citizen could not rely upon that meaning but was required to search through all that had happened before and in the course of the legislative process in order to see whether there was anything to be found from which it could be inferred that Parliament’s real intention had not been accurately expressed by the actual words that Parliament had adopted to communicate it to those affected by the legislation.

[Penekanan Ditambah]

Hakim yang sama di dalam kes *Duport Steels Ltd And Others Respondents And Sirs And Others Appellants* [1980] 1 WLR 142 di ms 157 dan 158 ada memberikan peringatan berikut:

... Parliament makes the laws, the judiciary interprets them. When Parliament legislates to remedy what the majority of its members at the time perceive to be a defect or a lacuna in the existing law (whether it be the written law enacted by existing statutes or the unwritten common law as it has been expounded by the judges in decided cases), the role of the judiciary is confined to ascertaining from the words that Parliament has approved as expressing its intention



what that intention was, and to giving effect to it. Where the meaning of the statutory words is plain and unambiguous it is not for the judges to invent fancied ambiguities as an excuse for failing to give effect to its plain meaning because they themselves consider that the consequences of doing so would be inexpedient, or even unjust or immoral. In controversial matters such as are involved in industrial relations there is room for differences of opinion as to what is expedient, what is just and what is morally justifiable. Under our constitution it is Parliament's opinion on these matters that is paramount....

It endangers continued public confidence in the political impartiality of the judiciary, which is essential to the continuance of the rule of law, if judges, under the guise of interpretation, provide their own preferred amendments to statutes which experience of their operation has shown to have had consequences that members of the court before whom the matter comes consider to be injurious to the public interest.... The legitimate questions for a judge in his role as interpreter of the enacted law are: "How has Parliament, by the words that it has used in the statute to express its intentions, defined the category of acts that are entitled to the immunity? Do the acts done in this particular case fall within that description?"

Selain itu, di dalam kes *Reg v. Barnet LBC; exp Shah* [1983] 2 WLR 16 di ms 30, Lord Scarman membuat pemerhatian berikut:

The way in which they used policy was, in my judgment, an impermissible approach to the interpretation of statutory language. Judges may not interpret statutes in the light of their own views as to policy. They may, of course, adopt a purposive interpretation if they can find in the statute read as a whole or in material to which they are permitted by law to refer as aids to interpretation an expression of Parliament's purpose or policy.

[16] Beralih kepada kes-kes autoriti yang diputuskan di negara kita, Mahkamah sering kali merujuk kepada prinsip-prinsip tafsiran yang sama. Antara lainnya, di dalam kes *Krishnadas Achutan Nair & Ors v. Maniyam Samykano* [1996] 2 MLRA 194 di ms 198-199, Mahkamah ini memutuskan:

... The function of a court when construing an Act of Parliament is to interpret the statute in order to ascertain legislative intent primarily by reference to the words appearing in the particular enactment.

Prima facie, every word appearing in an Act must bear some meaning. For Parliament does not legislate in vain by the use of meaningless words and phrases. A judicial interpreter is therefore not entitled to disregard words used in a statute or subsidiary legislation or to treat them as superfluous or insignificant. It must be borne in mind that:

As a general rule a court will adopt that construction of a statute which will give some effect to all of the words which it contains. (Per *Gibbs J in Beckwith v. R* (1976) 12 ALR 333)

See also *Commonwealth v. Baume* [1905] 2 CLR 405 at p 414, per Griffith CJ.

Where it is impossible to give a full and accurate meaning to every word appearing in a section of a statute, the duty of the court is to give the words an



interpretation 'that produces the greatest harmony and the least inconsistency':
Australian Alliance Assurance Co Ltd v. Attorney-General (Queensland) [1916] QSR
135 at p 161, per Cooper CJ.

Di dalam kes *All Malayan Estates Staff Union v. Rajasegaran & Ors* [2006] 1
MELR 44; [2006] 2 MLRA 61 di ms 68, pemerhatian Mahkamah ini ialah
sepertimana berikut:

It must be noted that s 23A(1) of the Act was enacted especially for a specific
purpose that is to provide for the qualification of President and Chairman of
the Industrial Court. Such being the case, the learned JC had no choice but
to give effect to the plain meaning of the words used in the provisions rather
than inventing ambiguities in them. The Federal Court in *Malaysian Bar v.
Dato' Kanagalingam Velupillai* [2004] 1 MLRA 771 at p 773 agreed with the
observation made by Lord Diplock in *Dupont Steels Ltd & Ors v. Sirs and Ors*
[1980] 1 WLR 142 at p 157:

Where the meaning of the statutory words is plain and unambiguous it is
not for the judges to invent fancied ambiguities as an excuse for failing to
give effect to the plain meaning...

Since the provisions of s 23A(1) of the Act are precise and unambiguous, it is
therefore superfluous for the learned JC to resort to the introduction speech
of the Deputy Minister of Human Resources in moving the Bill of Act 166 as
the words of the Deputy Minister cannot be determinative of the provisions in
the section since the speech is only available as an aid to interpretation. Edgar
Joseph Jr FCJ in *Chor Phaik Har v. Farlim Properties Sdn Bhd* [1994] 1 MLRA
356 cautioned:

We hasten to add, however, that when resort to Hansard is permissible, that
by itself although meriting serious consideration cannot be determinative
of the issue since it **is only available as an aid to interpretation. To hold
otherwise, would amount to substituting the words of the Minister or
other promoter of the Bill for the words of the statute, and that cannot
be the law.**

[Emphasis Added]

Obviously, in reaching her decision, the learned JC failed to take into
consideration the clear words employed by the draftsman in s 23A(1) of
the Act. If indeed it was Parliament's intention for only legally qualified
appointees who have maintained a practising certificate for at least 7 years to
qualify for appointment as Chairman, as understood by the learned JC, the
draftsman would have surely employed different words in crafting the section.

Selain itu, di dalam kes *Thein Hong Teck & Ors v. Mohd Afrizan Husain & Another
Appeal* [2012] 1 MLRA 712, Mahkamah ini di ms 718-719 memutuskan:

[31] We are of the view that s 314(1) of the Act is clear and unambiguous. As
such it must be given its literal interpretation. Under the circumstances it is not
the function of the court to rewrite the statute in a way in which it considers
reasonable. In other words, the High Court was not entitled to read words into
that provision. Where the words of the statute are plain and unambiguous, the



court ought to give effect to its plain meaning (see *Duport Steel Ltd v. Sirs* [1980] 1 WLR 142; *MBf Holdings Bhd v. Emtex Corporation Bhd* [1985] 1 MLRA 376). In *Vickers, Sons and Maxim, Ltd v. Evans* [1910] AC 444, which was referred to by the Court of Appeal in *United Overseas Bank (Malaysia) Sdn Bhd v. UJA Sdn Bhd & Another Appeal* [2009] 4 MLRA 303, Lord Loreburn, LC said:

My Lords, this appeal may serve to remind us of a truth sometimes forgotten, that this House sitting judicially does not sit for the purpose of hearing appeals against Acts of Parliament, or of providing by judicial construction what ought to be in an Act, but simply of construing what the Act says. We are considering here not what the Act ought to have said, but what it does say;... The appellants' contention involves reading words into this clause. The clause does not contain them; and we are not entitled to read words into an Act of Parliament unless clear reason for it is to be found within the four corners of the Act itself.

Akhirnya, kami merujuk kepada kes *AJS v. JMH & Another Appeal* [2022] 1 MLRA 214 (kes *AJS*). Di dalam kes tersebut, Mahkamah ini merumuskan bahawa:

[48] The standard canon of construction has always been that the courts should, in usual cases, begin with the literal rule and that the purposive rule only ought to be relied on where there is ambiguity. This was clarified by this court most recently in *PJD Regency Sdn Bhd v. Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah & Anor and other appeals* [2021] 1 MLRA 506, as follows ('*PJD Regency*'):

[36]... statutory interpretation usually begins with the literal rule. However, and without being too prescriptive, where the provision under construction is ambiguous, the courts will determine the meaning of the provision by resorting to other methods of construction foremost of which is the purposive rule (see the judgment of this court in *All Malayan Estates Staff Union v. Rajasegaran & Ors* [2006] 2 MLRA 61; [2006] 1 MELR 44).

...

[51] Thus, it is trite that where words in a statute are ambiguous and capable of two meanings, then resort may be had to the history of the legislation. And it is also trite that statutory construction is exclusively a matter for the Judiciary but Hansard and Parliamentary speeches serve as an interpretive aid (see the judgment of this court in *Maple Amalgamated Sdn Bhd & Anor v. Bank Pertanian Malaysia Berhad* [2021] 5 MLRA 337 at [53]).

[17] Berdasarkan kes-kes autoriti tersebut, bolehlah disimpulkan bahawa prinsip pentafsiran secara literal masih diutamakan oleh mahkamah bagi mentafsir undang-undang yang digubal oleh parlimen. Walaupun begitu, prinsip-prinsip tafsiran lain seperti prinsip tafsiran pendekatan bermaksud (purposive) dan juga tafsiran "mischief rule" perlulah juga diberikan pertimbangan sekiranya ada keterbatasan potensi dalam penggunaan prinsip tafsiran secara literal yang boleh menyebabkan tafsiran tersebut tidak masuk akal dan tidak adil kepada litigan, misalnya penggunaan prinsip tafsiran literal yang boleh menyebabkan



tafsiran yang membawa kepada ketidakpastian maksud atau kabur makna sesuatu perkataan atau frasa undang-undang.

[18] Selain itu, pembacaan secara harmoni setiap peruntukan dalam undang-undang yang ditafsir akan menghasilkan makna yang penuh dan tepat. Rasional di sebalik keutamaan prinsip tafsiran secara literal mudah difahami berdasarkan ciri-ciri yang dapat digarap daripada kes-kes autoriti yang menghendaki hakim:

- memberikan makna perkataan, frasa atau ayat sesuatu undang-undang bertulis itu mengikut makna biasa dan makna semula jadinya;
- tidak membuat pertimbangan pada niat penggubal dengan menyelidiki sejarah perundangan atau tujuan penggubalan, sebaliknya hakim perlu menumpukan hanya pada bahasa yang digunakan;
- tidak menokok tambah pentafsiran dengan pandangan atau pemahaman peribadi yang sudah tentulah boleh menyebabkan keputusan yang tiada kepastian dan tidak seragam;
- tidak membuat andaian tentang apa yang mungkin dimaksudkan oleh penggubal undang-undang kecuali ianya dengan jelas dinyatakan di dalam undang-undang tersebut; dan
- lebih mengutamakan kejelasan dan kepastian serta kebolehamalan dalam pentafsiran.

Berasaskan ciri-ciri tersebut, selayaknya prinsip tafsiran secara literal lebih diutamakan oleh mahkamah yang tugas hakikinya ialah untuk membuat tafsiran undang-undang yang adil dan saksama demi menegakkan keadilan.

[19] Berbalik kepada isu pokok yang dibangkitkan oleh Pendakwa Raya dalam kajian semula keputusan 27 Ogos 2024 di hadapan kami, persoalan berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah ini untuk mendengar permohonan responden-responden yang telah pun diberikan pengampunan menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan sebelum permohonan dikemukakan perlulah diutamakan.

[20] Bagi menentukan sama ada Mahkamah ini berbidang kuasa mendengar permohonan yang dikemukakan responden-responden, keseluruhan peruntukan Akta 847 perlulah diteliti. Kami mulakan dengan melihat kepada tajuk panjang Akta 847 yang memperuntukkan seperti yang berikut:

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan untuk mengkaji semula hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat yang dijatuhkan terhadap orang yang disabitkan berikutan pemansuhan



hukuman mati mandatori dan pindaan kepada undang-undang yang berhubungan dengannya.

Daripada tajuk panjang tersebut, jelaslah bahawa Mahkamah ini diberikan kuasa penyemakan secara sementara untuk mengkaji semula hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat, dua kategori hukuman yang secara spesifik diperuntukkan berikutan pemansuhan hukuman mati mandatori melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846).

[21] Beralih kepada peruntukan berkait dengan bidang kuasa sementara Mahkamah ini untuk mengkaji semula hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat, punca kuasanya secara jelas diperuntukkan melalui peruntukan s 2 dan s 4 Akta 847. Nota bahu s 2 iaitu “Bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan mengenai hukuman mati” dan nota bahu s 4 iaitu “Bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan mengenai hukuman pemenjaraan sepanjang hayat” jelas menunjukkan maksudnya tersendiri, iaitu kuasa Mahkamah ini ialah kuasa sementara dan ianya khusus dalam ruang lingkup yang telah ditetapkan di dalam s 2 dan s 4 Akta 847.

[22] Bagi bidang kuasa penyemakan sementara hukuman mati, frasa awal subseksyen 2(1) Akta 847 memperuntukkan “Sekiranya suatu hukuman mati dikekalkan atau dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan...”. Frasa awal tersebut dengan mudahnya difahami sebagai merujuk kepada dua kategori perintah berkaitan hukuman mati. Pertama, hukuman mati yang disahkan dan dikekalkan oleh Mahkamah ini, yakni pengesahan yang dibuat Mahkamah ini setelah rayuan terhadap sabitan dan hukuman mati ditolak. Kedua, hukuman mati yang dijatuhi sendiri oleh Mahkamah ini, iaitu hukuman mati setelah rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap perintah pembebasan dan pelepasan dibenarkan.

[23] Seterusnya, frasa “dan walaupun permohonan bagi pengampunan di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan telah ditolak...” di dalam subseksyen 2(1) Akta 847 sebelum diperuntukkan “Mahkamah Persekutuan hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kuasa untuk mengkaji semula hukuman berikutan pindaan yang dibuat melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.”. Pembacaan secara literal frasa “dan walaupun permohonan bagi pengampunan di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan telah ditolak...” jelas menunjukkan bahawa hukuman mati yang dikekalkan oleh Lembaga Pengampunan masih tergolong dalam kategori hukuman mati yang boleh disemak semula oleh Mahkamah ini. Penggunaan perkataan “walaupun”, iaitu gabungan perkataan “walau” yang bererti “sekiranya” atau “jika” dengan kata penegas atau partikel “pun” yang berfungsi sebagai penguat pokok ayat atau penguat kata, sebelum frasa “permohonan bagi pengampunan di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan telah ditolak,” jelas menunjukkan bahawa penolakan suatu permohonan pengampunan tidak



akan menjejaskan bidang kuasa mahkamah ini untuk mendengar semakan semula dan juga memberikan hak kepada “mana-mana orang yang telah dijatuhkan hukuman mati” untuk mengemukakan permohonan kajian semula hukuman mati tersebut. Suatu peruntukan yang pada pandangan kami sangat jelas dan mudah difahami.

[24] Bagi bidang kuasa penyemakan sementara hukuman pemenjaraan sepanjang hayat pula, permulaan ayat di awal peruntukan subseksyen 4(1) Akta 847 dimulai dengan perkataan “Walaupun” dan disusuli dengan frasa “jika suatu permohonan bagi pengampunan telah ditentukan mengikut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan,...”, dan seterusnya diperuntukkan bahawa “Mahkamah Persekutuan hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, mempunyai kuasa untuk mengkaji semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat mana-mana orang yang sedang menjalani hukuman itu...”

[25] Sekali lagi, perkataan “Walaupun” digunakan untuk menunjukkan bahawa sekiranya permohonan pengampunan telah pun ditentukan dan penentuan pengampunan tersebut menjurus kepada pengurangan hukuman daripada hukuman mati kepada hukuman pemenjaraan sepanjang hayat, maka orang yang diampuni tersebut masih lagi berhak untuk memohon semakan semula kerana dia masih lagi menjalankan hukuman sepanjang hayat yang bentuk hukuman tersebut telah ditiadakan melalui pelaksanaan Akta 846. Dengan itu, Mahkamah ini masih berbidang kuasa untuk menerima dan seterusnya mendengar permohonan mana-mana orang yang sedang menjalankan hukuman sepanjang hayat susulan daripada penentuan oleh Lembaga Pengampunan. Itulah maksud sebenar dan semula jadi daripada pembacaan secara literal peruntukan subseksyen 4(1) Akta 847 berkaitan dengan bidang kuasa sementara Mahkamah ini untuk mengkaji semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat.

[26] Oleh kerana pembacaan secara literal adalah memadai untuk memberikan maksud sebenar dan semula jadi kedua-dua peruntukan yang memberikan kuasa kepada Mahkamah ini untuk mengkaji semula hukuman mati dan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat menurut subseksyen 2(1) dan subseksyen 4(1) Akta 847 masing-masingnya, kami berpandangan bahawa tiada keperluan untuk kami merujuk kepada bantuan pentafsiran luaran yang lain, contohnya rujukan kepada penyata rasmi parlimen. Lagipun, bantuan sebegitu bukannya penentu kepada isu yang hendak dirungkaikan. Lihat ingatan yang diberikan Mahkamah ini di dalam kes *Chor Phaik Har v. Farlim Properties Sdn Bhd* [1994] 1 MLRA 356 di ms 367 yang menyatakan:

We hasten to add, however, that when resorting to Hansard is permissible, that by itself although meriting serious consideration cannot be determinative of the issue since it is only available as an aid to interpretation. To hold otherwise, would amount to substituting the words of the Minister or other promoter of the Bill for the words of the statute, and that cannot be the law.



[27] Kesimpulannya, kami berpandangan bahawa daripada pembacaan secara literal peruntukan subseksyen 2(1) Akta 847, Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa sementara untuk mengkaji semula 3 kategori hukuman mati. Pertama, hukuman mati yang disahkan oleh Mahkamah ini. Kedua, hukuman mati yang dijatuhkan oleh Mahkamah ini dan ketiga, hukuman mati yang dikekalkan oleh Lembaga Pengampunan setelah permohonan pengampunan ditolak. Bagi hukuman pemenjaraan sepanjang hayat pula, subseksyen 4(1) Akta 847 memperuntukkan bidang kuasa sementara kepada Mahkamah ini untuk mengkaji semula semua hukuman pemenjaraan sepanjang hayat yang dijatuhkan menurut mana-mana undang-undang bertulis dan juga hukuman pemenjaraan sepanjang hayat bagi mana-mana orang yang telah ditentukan melalui keputusan Lembaga Pengampunan menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

[28] Oleh itu, kami mendapati bahawa tiada sebarang syak dan waham dalam mentafsirkan kategori “mana-mana orang yang telah dihukum mati” dan “mana-mana orang yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan sepanjang hayat” yang boleh memohon semakan semula menurut subseksyen 3(1) dan subseksyen 5(1) Akta 847.

[29] Kami beralih kepada satu lagi perkara yang dibangkitkan di dalam persoalan yang dikemukakan oleh Pendakwa Raya, iaitu sama ada responden-responden yang telah diberikan pengampunan menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan termasuk dalam kategori “mana-mana orang yang telah dihukum mati” yang melayakkan mereka memohon menurut subseksyen 3(1) Akta 847 bagi mendapat manfaat kajian semula Mahkamah ini menurut subseksyen 2(1) Akta 847? Jawapan kepada persoalan ini penting bagi menentukan sama ada responden-responden layak memohon dan juga sama ada Mahkamah ini berbidang kuasa mendengar permohonan responden-responden tersebut.

[30] Berhubungan dengan perkara ini, fakta tentang tarikh pengampunan responden-responden adalah jelas. Phrueksa telah diberikan pengampunan melalui perintah bertarikh 21 September 2017. Bagi Mailesi, pengampunannya ialah pada 13 Disember 2021 dan Jiva diampunkan pada 13 Jun 2022. Daripada tarikh-tarikh pengampunan tersebut, jelaslah bahawa pengampunan responden-responden telah diberikan sebelum berkuat kuasanya Akta 847, iaitu pada 12 September 2023.

[31] Daripada fakta tersebut, jelaslah menunjukkan bahawa pada masa responden-responden mengemukakan permohonan menurut peruntukan subseksyen 3(1) Akta 847, responden-responden tidak lagi berstatus sebagai banduan akhir yang menunggu hukuman mati kesan daripada pemberian pengampunan yang berlandaskan kuasa prerogatif YDPA/Sultan/YDPN menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan. Pemberian pengampunan tersebut, sudah tentunya mengubah status responden-responden dari banduan akhir yang sedang menghadapi hukuman mati kepada banduan yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan bertempoh, walaupun responden-responden



tidak berpuas hati dengan tarikh permulaan hukuman menurut keputusan Lembaga Pengampunan. Ketidakpuasan hati responden-responden tidak mengubah atau tidak membatalkan keputusan Lembaga Pengampunan.

[32] Pada pandangan kami, perubahan kepada status responden-responden memberikan kesan yang signifikan. Mereka bukan lagi tergolong dalam kategori “mana-mana orang yang telah dihukum mati” yang dibolehkan membuat permohonan menurut subseksyen 3(1) Akta 847. Perubahan tersebut turut memberikan kesan kepada bidang kuasa sementara Mahkamah ini untuk mengkaji semula hukuman mati. Keadaan akan berbeza sekiranya permohonan responden-responden untuk pengampunan ditolak ataupun permohonan responden-responden untuk pengampunan dibenarkan dan hukuman terhadap responden-responden diubah kepada pemenjaraan sepanjang hayat. Dalam keadaan-keadaan tersebut responden-responden akan layak memohon dan Mahkamah ini berbidang kuasa mengkaji semula hukuman mati atau hukuman pemenjaraan sepanjang hayat, selaras dengan peruntukan menurut s 2 dan s 4 Akta 847.

[33] Berhubungan dengan perkara yang sama, Pendakwa Raya juga menimbulkan persoalan mengenai status keputusan Lembaga Pengampunan selepas Mahkamah ini secara majoriti 2 — 1 membenarkan permohonan responden-responden melalui keputusan 27 Ogos 2024. Ini kerana, keputusan 27 Ogos 2024 telah merubah ketiga-tiga keputusan Lembaga Pengampunan yang diberikan kepada responden-responden. Persoalannya, bolehkah Mahkamah ini mengubah perintah yang telah diputuskan melalui kuasa prerogatif YDPA/Sultan/YDPN menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan?

[34] Prinsip undang-undang berhubungan dengan cabaran terhadap pelaksanaan kuasa prerogatif YDPA/Sultan/YDPN menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan adalah mantap. Mahkamah tertinggi di negara kita sejak dahulu lagi membuat pendirian bahawa kuasa tersebut tidak boleh diadili dan disemak secara kehakiman. Di dalam kes *Public Prosecutor v. Soon Seng Sia Heng & 9 Other Cases* [1979] 1 MLRA 384 di ms 386, Mahkamah ini memutuskan sepertimana berikut:

We made no order as regards whatever decisions had been made by His Majesty on these sentences. When considering whether to confirm, commute, remit or pardon, His Majesty does not sit as a court, is entitled to take into consideration matters which courts bound by the law of evidence cannot take into account, and decides each case on grounds of public policy; such decisions are a matter solely for the executive. We cannot confirm or vary them; we have no jurisdiction to do so. The royal prerogative of mercy, as is recognised by its inclusion in Chapter 3 of Part IV of the Constitution, is an executive power — as in *Jamaica, Hinds v. The Queen* [1976] 1 All ER 353, 372, Criminal Application No 12.



Berkaitan dengan permohonan untuk menggantung pelaksanaan hukuman mati pula, Mahkamah ini di dalam kes *Chiew Thiam Guan & Ors v. Superintendent Of Pudu Prison & Anor* [1983] 1 MLRA 244 di ms 247, telah memutuskan sepertimana berikut:

In this country the prerogative of mercy is vested in His Majesty the Yang di-Pertuan Agong.

We also agree with the learned Attorney that we cannot, in any case grant an injunction to restrain the 1st respondent from carrying into effect a sentence in regard to which a warrant has been directed to him under s 281(d)(iii). See *Law Kiat Long & Ors v. Pardons Board Johore & Ors & Oie Hee Koi & Ors v. Pardons Board Johore & Ors* [1968] 1 MLRH 358.

Courts are indeed without jurisdiction to deal with this sort of application for the reason so neatly set out in the *de Freitas* case — “Mercy is not the subject of legal rights. It begins where legal rights end.” Any stay of execution would be only an extension of the prerogative of mercy, exercisable only by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong in accordance with art 42 of the Constitution.

Sementara itu, ketika membincangkan kuasa prerogatif YDPA menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan di dalam kes *Sim Kie Chon v. Superintendent of Pudu Prison & Ors* [1985] 1 MLRA 167 di ms 169, Mahkamah Agung ada menyatakan:

In the present case the appellant’s right ends after his appeal was dismissed by the Supreme Court and the death sentence confirmed. Mercy begins but mercy is not a legal right. In the case of *Chiew Thiam Guan v. Superintendent of Pudu Prison and the Government of Malaysia (supra)*, it was held that a decision made pursuant to an exercise of a royal prerogative of mercy cannot be varied or confirmed there being no jurisdiction to do so. In our judgment proceedings in Court aimed at questioning the propriety or otherwise of such a decision are therefore not justiciable. By the same token a contention of any violation of the fundamental right which rests wholly on or dependent upon such an allegation is also not justiciable. It is our considered view that the power of mercy is a high prerogative exercisable by the Yang di-Pertuan Agong or the Ruler of a State or the Yang di-Pertuan Negeri, as the case may be, who acts with the greatest conscience and care and without fear of influence from any quarter. (See *Hanratty and Another v. Lord Butler of Saffron Walden* (1971) 115 Solicitors Journal p 386).

Selain itu, lihat juga keputusan Mahkamah ini di dalam kes *Juraimi Husin v. Pardons Board State of Pahang & Ors* [2002] 2 MLRA 121.

[35] Berasaskan kepada keputusan kes-kes autoriti tersebut, jelaslah bahawa keputusan Lembaga Pengampunan menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan adalah bersifat tidak boleh diadili, tidak boleh dipengaruhi dan tidak tertakluk kepada sebarang cabaran atau kajian semula kehakiman. Oleh itu, kami berpandangan bahawa tindakan responden-responden mengemukakan permohonan menurut subseksyen 3(1) Akta 847 ialah serupa dengan tindakan mencabar keputusan Lembaga Pengampunan yang tidak



dibenarkan sama sekali menurut undang-undang. Begitu juga dengan isu bidang kuasa, kami mendapati bahawa Mahkamah ini tidak ada bidang kuasa untuk mengubah keputusan Lembaga Pengampunan.

Pemerhatian Tambahan Kami

[36] Walaupun keputusan Lembaga Pengampunan menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dicabar dan diadili secara kehakiman, responden-responden tidaklah dibiarkan tanpa remedi. Seperti yang diujahkan oleh Pendakwa Raya, remedi yang wajar bagi responden-responden ialah dengan mengemukakan petisyen pengampunan baharu kepada Lembaga Pengampunan. Responden-responden boleh memohon kepada Lembaga Pengampunan untuk mempertimbangkan semula tarikh permulaan hukuman mereka, sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 54 dan Peraturan 113, Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

[37] Berhubungan dengan pengemukakan petisyen pengampunan baharu oleh responden-responden, kami menyarankan supaya Lembaga Pengampunan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya, hukuman bagi pemenjaraan seumur hidup telah dihadkan kepada tempoh pemenjaraan selama 30 tahun sahaja berdasarkan interpretasi hukuman seumur hidup menurut s 3 Akta Keadilan Jenayah 1953 (Akta 345). Sekiranya keputusan Lembaga Pengampunan berkuat kuasa dari keputusan diberikan, bimbanganya tempoh pemenjaraan tersebut akan melangkaui tempoh 30 tahun tersebut.
- ii. Menurut subseksyen 282(d) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ), tarikh penguat kuasaan hukuman pemenjaraan hendaklah bermula daripada tarikh hukuman diputuskan, namun begitu mahkamah masih ada kuasa budi bicara untuk memerintahkan hukuman pemenjaraan bermula daripada tarikh pesalah ditangkap berdasarkan frasa “unless the Court passing the sentence otherwise directs” di dalam peruntukan yang sama. Untuk memudahkan rujukan, peruntukan subseksyen 282(d) KTJ ialah sepertimana berikut:

Provisions as to execution of sentences of imprisonment

282. With regard to sentences of imprisonment the following provisions shall be followed:

...

- (d) every sentence of imprisonment shall take effect from the date on which it was passed unless the Court passing the sentence otherwise directs.



- iii. Lazimnya, mahkamah akan mengambil kira tempoh pesalah direman sebagai tarikh permulaan kuat kuasa hukuman pemenjaraan. Ini kerana dalam tempoh reman tersebut pesalah telah kehilangan hak untuk hidup bebas. Bagi responden-responden, mereka telah pun menjalani hukuman penjara dan tempoh pemenjaraan tersebut perlulah diambil kira. Di dalam kes *Muharam Anson v. PP* [1980] 1 MLRA 120, Mahkamah ini ada membuat pertimbangan sepertimana berikut:

At the appeal it transpired that the appellant was first arrested on 28 September 1977 when he was remanded till released on court bail on 11 Januari 1978. However, after the conclusion of the preliminary inquiry when the appellant was committed for trial in the High Court it seems that his bail was revoked and he was remanded in custody on 29 November 1978 till his trial. The learned trial judge was misled into thinking that he was under detention since that date when the appellant said that he was kept in prison since 29 November 1978. **When the learned trial judge imposed the sentence of six years' imprisonment to take effect from 29 November 1978, he did not appear to know that the appellant had already been remanded for about three and half months from 28 September 1977 to 11 January 1978. In our view this period of detention, brief though it may appear, ought to have been taken into account by the learned trial judge for the purpose of passing sentence.** ... Accordingly, we would reduce the sentence from six to five years' imprisonment to take effect from 29 November 1978.

[Penekanan Ditambah]

[38] Selain itu, Perkara kecil 42(5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Peguam Negara ialah ahli kepada Lembaga Pengampunan. Perkara kecil 42(9) pula memperuntukkan bahawa sebelum memberikan nasihatnya kepada YDPA/Sultan/YDPN negeri masing-masing, Lembaga Pengampunan hendaklah menimbangkan apa-apa pendapat bertulis yang mungkin telah dikemukakan oleh Peguam Negara mengenai perkara yang hendak diputuskan. Berasaskan kepada peruntukan tersebut, sewajarnya Peguam Negara yang juga merupakan Pendakwa Raya memberikan pendapat yang bersesuaian dengan petisyen pengampunan baharu yang difailkan responden-responden, terutamanya berkenaan dengan tarikh kuat kuasa keputusan Lembaga Pengampunan.

Keputusan

[39] Berdasarkan alasan-alasan yang telah dinyatakan tersebut, kami sebulat suara memutuskan bahawa ketiga-tiga permohonan yang dikemukakan oleh Pendakwa Raya menurut k 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 untuk mengkaji semula keputusan 27 Ogos 2024 adalah bermerit. Dengan itu, kami mengetepikan keputusan 27 Ogos 2024 dengan membatalkan semua perintah yang dibuat Mahkamah ini susulan keputusan 27 Ogos 2024.



[40] Setelah membaca draf penghakiman, Yang Amat Arif-Yang Amat Arif Wan Ahmad Farid Ketua Hakim Negara, Abu Bakar Jais Presiden Mahkamah Rayuan, Hasnah Mohammed Hashim Hakim Besar Malaya dan Azizah Nawawi Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah menyatakan persetujuan mereka. Manakala Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara ada menyediakan penghakiman sokongan secara berasingan.

Wan Ahmad Farid Wan Salleh KHN:

[41] I have had the benefit of reading the draft judgment by my learned brother, Che Mohd Ruzima Bin Ghazali JCA and I am in complete agreement with the reasoning of His Lordship.

[42] Having said that, I am of the view that the door is not closed for the Respondents even after the decision of this Court. In short, it is not the end of the road for the Respondents. The Respondents are at liberty to file fresh petitions pursuant to regs 54 and 113 of the Prisons Regulations 2000, seeking leave from the respective Pardons Boards to reconsider the date of commencement of the imprisonment in line with the decision of the Pulau Pinang Pardons Board dated 27 January 2025 in the case of *Ang Kok San (Ang Kok San v. PP [2013] MLRAU 101)*.

[43] The relevant part of the order made by the Pulau Pinang Pardons Board states as follows:

DAN BAHAWASANYA, pada 19 Jun 2024, peguam banduan iaitu Tetuan Ling Yoke Hooi telah mengemukakan petisyen rayuan pengampunan bagi pihak banduan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Petua Negeri Pulau Pinang di bawah Peraturan 113 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 yang pertama bagi banduan. Dalam petisyen tersebut, pempetisyen memohon belas ihsan Tuan Yang Terutama Yang di-Petua Negeri Pulau Pinang agar penjara seumur hidup yang dikenakan ke atasnya bermula dari tarikh tangkap iaitu pada 15 Mac 2006.

[44] The petition was considered positively by the Pulau Pinang Pardons Board.

[45] It is my considered opinion that the power to reconsider their own orders is exclusively the prerogative of the Pardons Board. In exercise of this power, the Pardons Board, as in *Ang Kok San*, can revisit the commencement date of the imprisonment imposed and such decision is not justiciable.

[46] From this perspective, the Respondents could not be said to be prejudiced as there are other avenues available to them, which they could still explore.

